

Kejohanan Bola Tampar Terbuka UiTM Arau

Pada 25-27 Jun 2005 yang lalu, UiTM Kampus Arau telah mengadakan Kejohanan Bola Tampar Terbuka sempena sambutan Ulang Tahun Yang Dipertuan Agong. Kejohanan ini berlangsung di gelanggang UiTM Arau pada sebelah malam dan dibahagikan kepada dua kategori iaitu terbuka lelaki dan wanita. KUKUM telah menghantar pasukan setiap kategori dan telah menjadi Johan bagi kedua-dua kategori tersebut.

Pada pusingan awal, KUKUM telah menjadi johan kumpulan bagi kedua-dua kategori sebelum melangkah ke peringkat separuh akhir. Pada peringkat kumpulan B pasukan lelaki telah menewaskan Staf UiTM, IMTGT (Pelajar UiTM) dan Yayasan Islam dengan kemenangan 2-0. Pada peringkat separuh akhir, KUKUM bertemu dengan pasukan Aniv. Juara kumpulan A iaitu SM Teknik Arau, KUKUM telah melangkah ke peringkat akhir dengan kemenangan mudah 2-0. Dengan semangat berpasukan yang kuat, pasukan KUKUM yang diketuai oleh En. Fauzi Baharum telah

memenangi perlawanan akhir yang berlangsung dengan 3 set, KUKUM menang 2-1 ke atas pasukan Pelajar UiTM (IMTGT) dalam masa lebih daripada 1 jam.

Pasukan wanita KUKUM pula mendapat laluan mudah dalam menempah tiket ke perlawanan akhir. Pada peringkat kumpulan pasukan KUKUM telah memenangi kesemua 4 perlawanan awal dengan kemenangan 2-0 keatas pasukan Usahawan Muda, Staf UiTM, Yayasan Islam dan IMTGT (Pelajar UiTM). Walaupun baru ditubuhkan tidak sampai setengah tahun, pasukan wanita KUKUM yang diketuai oleh Cik Syeamarsyeta Ahamad, Pegawai Sukan KUKUM telah memenangi perlawanan akhir 2-0 dengan pasukan Staf UiTM.

Dengan adanya kejohanan seperti ini, telah memberi peluang kepada pasukan KUKUM menyiapkan sebuah pasukan yang mantap dalam menempuhi cabaran-cabaran kejohanan lain. Diharap pasukan bola tampar KUKUM dapat mengharumkan nama KUKUM di persada Malaysia.

Oleh : Mohd Mustafa Al Bakri Abdullah